

FRIM Reports No. 121

Pembangunan Kapasiti Bagi Program Perhutanan Sosial Terhadap Komuniti Setempat Di Persekitaran Hutan Simpan Gunung Tebu Terengganu

**MM Huda Farhana, M Mohd Parid, MM Mohamed Daniel, A Norliyana,
TH Faten Naseha, A Mukrimah, SA Nurul Zafirah & AH Muhammad Al Amin**



INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)

FRIM Reports No. 121

**PEMBANGUNAN KAPASITI BAGI PROGRAM PERHUTANAN
SOSIAL TERHADAP KOMUNITI SETEMPAT DI PERSEKITARAN
HUTAN SIMPAN GUNUNG TEBU TERENGGANU**

**MM Huda Farhana, M Mohd Parid, MM Mohamed Daniel, A Norliyana, TH
Faten Naseha, A Mukrimah, SA Nurul Zafirah & AH Muhammad Al Amin**



INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)

2023

© Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2023

Editor Siri : WA Wan Mohd Shukri
Editor Urusan : S Vimala
Pengatur Huruf : Y Rohayu

Teks diset dalam Calibri 12

MS ISO 9001:2015

Dicetak oleh Cawangan Penerbitan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Kepong

1.0 PENGENALAN

Perhutanan sosial adalah pendekatan pengurusan hutan yang menekankan penglibatan dan penyertaan komuniti setempat termasuk aspek sosial dan komuniti dalam pengurusan hutan secara lestari. Masyarakat setempat memainkan peranan utama dalam perhutanan sosial. Mereka terlibat secara aktif dalam membuat keputusan, merancang, dan melaksanakan pelbagai aktiviti perhutanan. Pengetahuan dan amalan tradisional mereka juga sering kali diintegrasikan dalam pelan pengurusan hutan. Objektif utama perhutanan sosial adalah untuk mencapai keseimbangan antara keperluan manusia dan pemeliharaan alam sekitar melalui pengurusan hutan berasaskan komuniti. Perhutanan sosial bertujuan untuk menangani keperluan sosial, ekonomi, dan alam sekitar sambil mempromosikan pemeliharaan dan penggunaan ekosistem hutan secara lestari.

Program perhutanan sosial merangkumi pelbagai aktiviti seperti penghijauan, penanaman semula hutan, pengurusan kawasan tadahan air, dan inisiatif pemeliharaan berasaskan komuniti. Objektif dan strategi khusus program perhutanan sosial disesuaikan dengan konteks sosio-budaya dan alam sekitar yang unik di setiap kawasan. Contohnya, dua aktiviti utama dalam program perhutanan sosial adalah penanaman semula hutan dan penghijauan. Dalam konteks perhutanan sosial, masyarakat setempat sering terlibat dalam penanaman semula hutan. Mereka dapat terlibat dalam pemilihan jenis pokok, aktiviti penanaman, dan pemeliharaan hutan. Aktiviti ini memberi peluang kepada mereka untuk mendapatkan pendapatan tambahan dan mengambil bahagian dalam pemeliharaan hutan. Disamping itu, inisiatif pemeliharaan berasaskan komuniti boleh membantu dalam pemeliharaan spesies-spesies terancam dalam kawasan hutan mereka dengan pengawasan, pemantauan, dan aktiviti pemeliharaan. Inisiatif ini juga membolehkan komuniti untuk memanfaatkan potensi pelancongan di kawasan hutan mereka dengan cara yang lestari selain menjana pendapatan masyarakat setempat.

Selain itu, penyertaan masyarakat setempat dalam proses membuat keputusan sangat penting kerana ia bukan sahaja menyumbangkan idea-idea baharu, maklumat, analisis serta penyelesaian kepada masalah tetapi turut menyumbangkan pengetahuan dan maklumat asas yang kerap kali dijadikan panduan oleh pihak berkuasa dalam menentukan sebarang keputusan atau tindakan yang akan diambil. Penyertaan masyarakat setempat adalah lebih berkesan dan bermakna jika mereka diberi peranan utama dan ruang yang luas untuk terlibat sama sejak peringkat awal lagi dalam mereka bentuk, melaksana dan menilai dasar dan projek yang memberi kesan terhadap kehidupan mereka. Banyak manfaat yang diperoleh hasil daripada penyertaan komuniti setempat, antaranya menjangka dan menghindari konflik yang mungkin wujud atau berlaku; meramal impak daripada tindakan yang dicadangkan; mengumpul dan menyebarkan maklumat; mengenengahkan kepakaran tempatan yang boleh dijadikan panduan oleh pihak berkuasa; mempelajari idea-idea baharu dan alternatif-alternatif untuk dicadang dan dipertimbangkan dalam rancangan dan tindakan.

Melalui kajian dan sorotan kajian lepas dibuktikan bahawa apabila komuniti setempat diberi ruang dan peluang untuk terlibat sama dalam mengurus sumber atau terlibat secara langsung dalam program-program yang dijalankan, sokongan mereka terhadap isu pemeliharaan akan meningkat dan kejayaan mengekalkan kawasan-kawasan yang

dilindungi melalui program yang dijalankan juga bergantung kepada sokongan komuniti setempat. Komuniti setempat, selain menyalurkan maklumat yang berguna bagi membangunkan pelan pengurusan dan membantu meningkatkan keupayaan institusi melalui maklumat yang diberi, mereka juga boleh membantu menguatkuasakan garis panduan yang telah dirangka. Komuniti setempat juga boleh memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan objektif kawasan yang dilindungi khususnya zon-zon tertentu persekitaran Hutan Simpan (HS) Gunung Tebu jika mereka berpendapat ianya bermanfaat bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang.

Oleh itu, melalui kajian “Kajian rintis perhutanan masyarakat di Hutan Simpan Gunung Tebu, Terengganu” di bawah Rancangan Malaysia Kedua belas (RMK-12), komponen “Kajian pembangunan model skim perhutanan masyarakat menerusi ekopelancongan berasaskan komuniti (CBET) dan hasil hutan bukan kayu (NTFPs) termasuk khidmat ekosistem Gunung Tebu, Terengganu” telah menyelaras pelbagai inisiatif serta strategi pembangunan kapasiti melibatkan komuniti setempat di persekitaran hutan simpan kekal.

2.0 SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Penglibatan komuniti setempat di dalam pengurusan hutan dan ekopelancongan

Berdasarkan kajian lepas, penyertaan komuniti dalam projek pelancongan luar bandar atau desa dipengaruhi oleh beberapa halangan, termasuk (i) kekurangan pengetahuan, (ii) faktor ekonomi, (iii) pertimbangan agama, dan (iv) faktor tradisional (Siow et al. 2014). FRIM mengambil inisiatif untuk mengatasi halangan ini dan memberi peluang kepada komuniti tempatan untuk terlibat dalam pengurusan hutan masyarakat di Malaysia.

Pengurusan hutan oleh komuniti tempatan atau Perhutanan Masyarakat (Community Forestry), adalah pendekatan luas yang diterapkan sebagai solusi dalam pengurusan hutan di kawasan Asia Pasifik (Gritten et al. 2015). Komuniti memiliki potensi untuk berkembang, contohnya dalam ekopelancongan, dengan menggali potensi individu dan kelompok mereka (Rohayu & Noor Sharipah 2013). Dengan memanfaatkan sumber daya pelancongan yang ada di destinasi, termasuk keindahan alam sekitar, kawasan tersebut mampu menarik minat penduduk lokal dan pengunjung dari luar. Keunikan budaya, adat istiadat, tradisi, dan gaya hidup tradisional lokal juga dapat menjadi daya tarikan dalam pelancongan (Rohayu & Noor Sharipah 2013).

2.2 Ekopelancongan berasaskan komuniti atau *Community-Based Ecotourism*

Melalui pendekatan moden dan lestari, pengurusan hutan dalam ekopelancongan komuniti mendapat perhatian dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK ke-7) dan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK ke-8). Ekopelancongan berasaskan komuniti atau dikenali dengan singkatan CBET telah menjadi alat popular untuk mempromosikan pemeliharaan biodiversiti, terutama di negara membangun (Kiss

2004), seperti Malaysia. Ini dilaksanakan melalui perancangan sistematik seperti Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (2016–2025) yang diperkenalkan pada 2015. Persatuan Ekopelancongan Antarabangsa mendefinisikan ekopelancongan sebagai perjalanan ke kawasan semula jadi yang mengekalkan alam sekitar dan memberi manfaat kepada penduduk tempatan. Ini membezakannya daripada pelancongan alam yang hanya merujuk kepada lawatan ke tempat-tempat semula jadi tanpa fokus khusus pada pemeliharaan alam sekitar atau manfaat sosial.

CBET seperti yang didefinisikan oleh Boo (1992), adalah bentuk pelancongan alam yang menggalakkan pemeliharaan dan pembangunan lestari. Ia memasukkan unsur-unsur pemeliharaan proaktif dan pembangunan ekonomi. Pendekatan oleh Honey (1999) pula merangkumi manfaat kewangan untuk biodiversiti dan masyarakat tempatan, serta menghormati hak asasi manusia dan prinsip-prinsip demokratik. Berdasarkan kepada Pelan Ekopelancongan Malaysia (2016–2025) ia telah menggariskan lima (5) elemen penting untuk definisi ekopelancongan. Ini adalah termasuk penghormatan terhadap alam semula jadi, penyumbangan kepada pemeliharaan, manfaat untuk masyarakat tempatan, unsur pendidikan dan kesedaran termasuk kelestarian dalam aspek ekologi, ekonomi, sosio-budaya, dan etika.

Berdasarkan sudut perspektif pemeliharaan, CBET adalah pengurusan sumber semula jadi di peringkat tempatan yang diamalkan secara meluas di seluruh dunia. Goodwin & Santilli (2009) menyatakan bahawa hanya sebilangan kecil projek CBET yang berjaya, termasuk Buhoma Village Walk di Uganda (menawarkan aktiviti melihat gorila), Kahawa Shamba di Tanzania (lawatan ke ladang kopi dengan makan tengah hari dan pilihan penginapan bermalam), Projek Pelancongan Komuniti Meket di Ethiopia (melibatkan tiga pondok dimiliki oleh komuniti dan aktiviti meniti denai hutan, Tapak Perkhemahan Nambwa di Namibia (pemeliharaan dan menawarkan tempat penginapan serta beberapa aktiviti) (Goodwin & Santilli 2009). Di Mexico, kawasan pemulihan bakau telah diubah menjadi ekosistem yang dikelola oleh masyarakat tempatan di Ventanilla, Oaxaca, sebagai contoh peralihan ke arah kelestarian (Foucat 2002).

Di Malaysia, model kejayaan CBET terdapat di Batu Puteh, wilayah Kinabatangan, Sabah. Projek ini berada di bawah program MESCOT (Model untuk Pemeliharaan dan Pelancongan Komuniti yang Berkekalan secara Ekologi) yang menitikberatkan aktiviti homestay, dikenali sebagai Miso Walai, serta usaha pemuliharaan seperti penanaman pokok di Hutan Kem Tugong. Terdapat juga program Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) yang telah didokumentasikan di Sarawak dan Semenanjung Malaysia, seperti di Kampung Annah Rais, Padawan, Kampung Tebekang Melayu, Serian, Kampung Santubong, Kuching (Kaur et al. 2016), dan Kampung Relau, Kedah (Kayat 2015), dengan konsep inap desa atau homestay menjadi tarikan utama.

2.3 Kelestarian ekopelancongan berasaskan komuniti

Kajian oleh Mohd Noh et al. (2020) di Kampung Selai, Bekok, Johor, telah mengenalpasti lima faktor yang menjamin kelestarian pembangunan

ekopelancongan di kalangan orang asal/asli iaitu pembangunan CBET yang telah tersedia, pembangunan program CBET yang lalu, penglibatan komuniti di fasa perancangan, penglibatan komuniti di fasa implementasi dan penglibatan komuniti dalam pemeliharaan alam semula jadi. Selain itu. Bagi senario yang mempunyai situasi ketidakstabilan politik dan ekonomi di kawasan hutan tropika Amazon, strategi untuk menjamin tadbir urus oleh pihak komuniti dan pemeliharaan biodiversiti amat diperlukan. Menurut Lebrao et al. (2021) aktiviti melihat haiwan iaitu kera di kawasan kawasan pelancongan Amazon adalah memerlukan perancangan dan pemantauan agar kesan positif seperti penghasilan ekonomi setempat, penglibatan komuniti setempat dalam ekopelancongan melebihi tahap kesan negatif seperti transmisi penyakit atau perubahan tingkah laku.

Melalui pembangunan program ekopelancongan berasaskan komuniti, komuniti setempat dapat menikmati peningkatan taraf hidup. Ini terbukti di Kampung Phluk, Cambodia yang menunjukkan signifikan bahawa aktiviti ekopelancongan telah dapat meningkatkan indikator bagi aset komuniti setempat atau "*local livelihood assets*" (Kry et al. 2020). Kajian tersebut membuktikan bahawa CBET telah memberi kesan positif apabila dibandingkan dengan syarikat swasta yang sebelum ini mengendalikan aktiviti ekopelancongan di kampung tersebut. Kesan positif yang telah dikenalpasti dalam kajian tersebut adalah peningkatan modal fizikal, modal insan, dan juga modal sosial. Namun begitu, perubahan yang signifikan dari segi kewangan tidak berlaku di Kampung Phluk. Ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan yang mendesak untuk meningkatkan akses rakyat tempatan kepada modal kewangan melalui penciptaan sumber pendapatan alternatif bagi rakyat tempatan, terutamanya semasa musim kering. Ini kerana, pendapatan kewangan adalah antara faktor yang penting untuk mencapai kelestarian dalam CBET.

Kelestarian CBET sangat bergantung kepada beberapa faktor misalnya, Kunjuran (2021) telah mengenalpasti bahawa pembangunan ekopelancongan di Bilit, Sabah akan terancam jika pihak berkuasa gagal memberi tumpuan terhadap penglibatan komuniti setempat dan aspirasi mereka dalam konteks ekopelancongan. Konsep penglibatan komuniti dalam ekopelancongan yang berasal dari negara Eropah gagal mengambil peduli tentang situasi yang dihadapi dari kebanyakan negara-negara membangun (Kunjuran 2021). Sebaliknya, pihak komuniti seperti di Kampung Bilit perlu disokong oleh pemegang taruh yang relevan dan juga kerajaan tempatan agar cabaran yang dihadapi oleh pihak komuniti setempat dapat diselesaikan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian adalah memfokus kepada kelestarian di dalam pemeliharaan biodiversiti hutan untuk faedah dan kepentingan bersama masyarakat setempat. Selain itu, kajian telah menentukan objektif khusus iaitu:

3.1 Objektif Khusus:

1. Meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk setempat dengan memaksimumkan pulangan kewangan mereka kesan dari pembangunan ekopelancongan

2. Meningkatkan penglibatan masyarakat setempat dalam sistem pengurusan rizab hutan
3. Meningkatkan pengetahuan alam sekitar dan kesedaran masyarakat setempat mengenai pemeliharaan hutan melalui perkhidmatan pendidikan dan;
4. Mengukuhkan usaha pemeliharaan tanah melalui penggunaan alat ekonomi dan kewangan sebagai model pengurusan yang berkesan.

4.0 KAEDAH KAJIAN

Pembangunan kapasiti terhadap komuniti di persekitaran HS Gunung Tebu telah melalui pelbagai kaedah bermula pada tahun 2020. Oleh itu, bagi tahun 2022, kajian penyelidikan memfokus kepada Kajian pembangunan model skim Perhutanan Masyarakat menerusi ekopelancongan berasaskan komuniti dan hasil hutan bukan kayu termasuk khidmat ekosistem telah dijalankan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12). Melalui dana peruntukan tersebut, aktiviti telah dijalankan bermula Mac hingga Disember 2022.

Kaedah kajian yang telah terlibat termasuklah *rapid rural appraisal (RRA)*, kajian asas terhadap kebergantungan penduduk tempatan terhadap persekitaran hutan, perbincangan kumpulan fokus, temuramah bersama kumpulan informan, pelbagai siri bengkel dan lawatan pembelajaran bagi meningkatkan kesedaran komuniti setempat terhadap kepentingan ekosistem hutan dan perkongsian faedah secara menang-menang atau *win win strategies*.

Siri-siri bengkel konsultasi pemegang taruh peringkat komuniti diadakan dengan tujuan mendedahkan komuniti kepada konsep ekopelancongan berasaskan komuniti (CBET), dapat mengenalpasti kepentingan CBET dan hubungkait bagaimana ia dapat membantu komuniti sebagai alternatif bagi kelangsungan hidup mereka.

Laporan ini melibatkan penganjuran beberapa siri bengkel dan sesi konsultasi bersama pelbagai pihak-pihak berkepentingan terutama kepada komuniti setempat serta agensi/jabatan di persekitaran HS Gunung Tebu, Terengganu. Bengkel konsultasi ini adalah salah satu medium yang memberi peluang serta mewujudkan ruang penglibatan komuniti sebagai pemegang taruh di dalam menyumbang informasi dan idea. Informasi dan idea setempat ini boleh dijadikan maklumat asas dan panduan kepada pihak pengurusan persekitaran Hutan Simpan (HS) Gunung Tebu dalam merancang, melaksana dan menilai dasar program ke arah pengurusan mampan yang bermanfaat dan menguntungkan berbagai pihak untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Berikut adalah langkah-langkah pengendalian bagi penganjuran siri-siri bengkel yang dilaksanakan sepanjang tempoh kajian (Rajah 1).

Langkah 1- Perancangan bengkel melalui perbincangan di peringkat CUMBS berdasarkan kepada matlamat dan fokus kajian serta outcome yang ingin dicapai

Langkah 2- Permohonan penganjuran latihan di bawah CUMBS

Langkah 3- Kelulusan anjuran latihan CUMBS diperolehi daripada pihak Jawatankuasa Latihan FRIM

Langkah 4- Perbincangan dalaman CUMBS melalui pembentukan Ahli Jawatankuasa (AJK) dan pihak komuniti setempat

Langkah 5- Memuktamadkan itineri program dan pengisian modul bengkel

Langkah 6- Persediaan bengkel

Langkah 7- Pelaksanaan bengkel

Langkah 8- Penyediaan laporan bengkel atau lawatan pembelajaran



Rajah 1 Carta alir bagi langkah-langkah pengendalian penganjuran siri-siri bengkel termasuk lawatan pembelajaran bersama komuniti setempat

5.0 HASIL KAJIAN MELALUI STRATEGI PENDEKATAN PEMBANGUNAN KAPASITI

5.1 Program sesi libat urus dan siri taklimat khas kepada Bakal Anggota dan Mesyuarat Agung Permulaan (MAP) Koperasi Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad (PRAPENDAFTARAN) pada 23 April 2022.

Sesi bengkel pemegang taruh dan libaturus komuniti “Program Sesi Taklimat bakal anggota dan Mesyuarat Agung Permulaan (MAP) Koperasi Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad (prapendaftaran)” pada 23 April 2022 di Besut, Terengganu. Siri taklimat ini telah dilaksanakan bersama komuniti setempat bagi bakal anggota Koperasi Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad pada 23 April 2022. Taklimat ini telah diadakan di Bukit Keluang Beach Resort, Besut, Terengganu dan dihadiri oleh kehadiran komuniti setempat dan agensi seperti di Jadual 1.

Jadual 1 Senarai penyertaan sesi libaturnas dan siri taklimat khas kepada Bakal Anggota dan Mesyuarat Agung Permulaan (MAP) Koperasi Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad pada 23 April 2022.

Bil.	Jabatan/Agensi/Komuniti	Kehadiran
1	Komuniti Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad	64
2	Persatuan Sahabat Alam Tampik Janda Baik (SATJB)	20
3	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Terengganu Utara	1
4	Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu	2
5	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)	1
6	Universiti Putra Malaysia (UPM) – rakan penyelidik	1
7	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)	10
Jumlah penyertaan		99

Sesi taklimat ini penting untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada bakal anggota berkaitan penerangan kepada pengenalan dan keanggotaan di dalam sebuah pertubuhan entiti koperasi. Seterusnya, komuniti setempat telah mengadakan Mesyuarat Agung Permulaan (MAP) bagi Koperasi Sahabat Cakna Gunung Tebu Terengganu Berhad yang turut di pimpin oleh pegawai dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Wilayah Terengganu Utara. Program sesi taklimat dan Mesyuarat Agung permulaan (MAP) Koperasi Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad ini telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Ismail bin Hj. Parlan, selaku Ketua Pengarah, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, FRIM. Perkongsian dan taklimat penerangan melalui sesi pembentangan kepada bakal anggota telah dilaksanakan. Sebanyak tiga buah pembentangan telah dibentangkan iaitu; taklimat daripada Pengerusi JK Penaja disampaikan oleh Dr. Mohd Parid bin Mamat, taklimat perkongsian operasi perniagaan ekopelancongan berasaskan komuniti (CBET) oleh Tuan Hj. Rohaimi bin Anuar, Pengerusi Persatuan Sahabat Alam Tampik Janda Baik dan akhir sekali Taklimat Pengenalan dan konsep Penubuhan Koperasi oleh Encik Nik Nasrul Ashikin bin Nik Mohamad Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Wilayah Terengganu Utara.

5.2 Program Bengkel Konsultasi Pemegang Taruh peringkat komuniti setempat “Pemeliharaan persekitaran hutan menerusi penggunaan sumber secara mampan”

Kumpulan komuniti telah mengikuti sesi Bengkel Konsultasi Pemegang Taruh peringkat komuniti setempat dengan tema “Pemeliharaan persekitaran hutan menerusi penggunaan sumber secara mampan” yang telah berjaya dilaksanakan pada 9 hingga 12 Jun 2022. Sesi bengkel telah diadakan di D’Village Hotel @ Victoria Bridge, Karai, Kuala Kangsar, lawatan pembelajaran ke tapak pelancongan Homestay Kampung Agong, Penaga, Pulau Pinang dan juga perkampuan Orang Asli di Chalet Pulau Desa Lestari, POS Kuala Mu, Sg. Siput, Perak. Bengkel ini melibatkan dua jenis pendekatan utama melalui perkongsian secara teori dan pembelajaran di dalam kelas dan juga sesi perkongsian bersama komuniti bagi pengurusan pelawat, pembangunan produk

pelancongan, pakej aktiviti rekreasi dan sumber ekopelancongan setempat. Melalui bengkel konsultasi ia mampu memberi pendedahan serta perkongsian maklumat bersama komuniti mengenai potensi perkhidmatan ekosistem daripada sumber semulajadi setempat sebagai produk ekopelancongan berasaskan komuniti melalui kepenggunaan sumber secara mampan dan konservasi. Bengkel ini bertujuan untuk;

- (i) Meningkatkan pengetahuan terhadap alam sekitar dan kesedaran masyarakat setempat mengenai pemeliharaan hutan melalui sumber-sumber hutan, perkhidmatan rekreasi dan pendidikan ekopelancongan
- (ii) Mengetahui peranan yang boleh dimainkan oleh pihak pemegang taruh (komuniti setempat) dalam meningkatkan penglibatan masyarakat setempat dalam sistem pengurusan rizab hutan
- (iii) Mengenalpasti potensi aktiviti, sumber dan pakej ekopelancongan berasaskan komuniti yang bersesuaian untuk dikembangkan dan dipromosikan kepada pihak berkepentingan bagi tujuan konservasi, pemeliharaan dan ekopelancongan.
- (iv) Membangunkan perhubungan dan perkaitan (linkages) di antara sumber alam persekitaran hutan, tarikan ekopelancongan dan perkhidmatan ekosistem setempat
- (v) Berkongsi pengalaman dan pandangan di dalam menyediakan input kepada sektor perhutanan termasuk cadangan dan sumbangan yang boleh berikan oleh pemegang taruh selaku rakan kongsi dengan penglibatan dalam penggunaan sumber dan perkhidmatan hutan secara mampan serta kaedah dalam mengurus-sama persekitaran hutan.

Sesi program bengkel ini adalah anjuran Program Perhutanan Sosial (SFP), Bahagian Perancangan Penyelidikan dan sesi majlis pembukaan telah dirasmikan oleh YBrs. Ketua Pengarah FRIM, Dr. Ismail bin Hj. Parlan di D'Village@Victoria Hotel, Kuala Kangsar. Antara indikator pencapaian utama projek adalah pewujudan secara fizikal satu Model Skim Perhutanan Masyarakat dengan penglibatan aktif kumpulan komuniti melalui skop "Kajian Pembangunan Model Skim Perhutanan Masyarakat menerusi ekopelancongan berasaskan komuniti (CBET) dan hasil bukan kayu termasuk perkhidmatan ekosistem".

Sesi pembentangan dan perkongsian pengalaman contoh ekopelancongan berasaskan komuniti (CBET) terbaik telah disampaikan oleh penceramah jemputan. Senarai pembentangan adalah seperti yang berikut: -

- (1) Perhutanan masyarakat dan pendekatan konsep "Forest beyond timbers" dalam pengurusan hutan dibentangkan oleh En Alexander Minsong iaitu Pengurus Projek Sabah EU-REDD+ Kg Gana, Kota Marudu, Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah.
- (2) Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBET), Kg. Batu Puteh, Kinabatangan, Sabah: Isu, cabaran dan halatuju dibentangkan oleh En Mohamad Juhari bin Kadir iaitu Timbalan Pengerusi, Koperasi EKopelancongan Batu Puteh, KOPEL Bhd.
- (3) Pembiayaan pemeliharaan bagi penggunaan perkhidmatan dan barangan berasaskan alam semulajadi dibentangkan oleh Dr. Mohd Parid Mamat, Ketua Program Perhutanan Sosial, Bahagian Perancangan Penyelidikan, FRIM.

- (4) Pengurusan kawasan CBET Kuala Mu, Perak disampaikan oleh En Wali bin Karim iaitu Pengurus dan Pengasas Chalet POS Kuala Mu.

Sesi bengkel konsultasi yang telah diadakan ini telah dihadiri oleh 63 orang peserta termasuk menghadiri bengkel tersebut termasuk peserta-peserta terdiri daripada komuniti setempat Koperasi Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad, Persatuan Sahabat Alam Tampik Janda Baik dan komuniti POS Kuala Mu seperti di Jadual 2.

Jadual 2 Senarai penyertaan Program Bengkel Konsultasi Pemegang Taruh/stakeholders peringkat komuniti setempat “Pemeliharaan persekitaran hutan menerusi penggunaan sumber secara mampan” pada 9 hingga 12 Jun 2022

Bil.	Jabatan/Agensi/Komuniti	Kehadiran
1	Komuniti Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad	36
2	Persatuan Sahabat Alam Tampik Janda Baik (SATJB)	5
3	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)	16
4	Jabatan Perhutanan Sabah	1
5	Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Kinabatangan (KOPEL)	1
6	Wakil Komuniti Pos Kuala Mu	3
Jumlah penyertaan		62

5.3 Program Bengkel Konsultasi Pemegang Taruh “Pembangunan Pakej”

Pada 25 hingga 28 Ogos 2022, Bengkel Konsultasi Pemegang Taruh “Pembangunan Pakej” telah berjaya diadakan di Laguna Island Resort, Pasir Panjang Pulau Redang, Terengganu. Bengkel Pembangunan Pakej ini turut melibatkan Majlis Pelancaran Koperasi Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad telah dirasmikan dengan jayanya oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) YB Datuk Ali Biju. Bengkel ini telah dihadiri oleh penyertaan komuniti setempat dan agensi seperti di Jadual 3.

Jadual 3 Senarai penyertaan Program Bengkel Konsultasi Pemegang Taruh “Pembangunan Pakej” pada 25 hingga 28 Ogos 2022

Bil.	Jabatan/Agensi/Komuniti	Kehadiran
1	Komuniti Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad	38
2	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Wilayah Terengganu Utara	2
3	Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT)	3
4	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)	2
5	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)	7
6	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)	8
7	Tourism Malaysia	3
Jumlah penyertaan		63

Persediaan bermula pada 24 Ogos 2022 oleh sekretariat utama yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan penyelidik Program Perhutanan Sosial dan mendapat bantuan sokongan oleh lima (5) orang komuniti setempat iaitu ahli Koperasi Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad. Sekretariat telah mempersiapkan dokumentasi dan keperluan penginapan dan persediaan tempat bengkel. Bengkel bermula dengan majlis sesi taklimat mengenai perjalanan jadual program bengkel oleh Dr. Mohd Parid Mamat. Sesi seterusnya adalah latihan di dalam kumpulan (LDK) dengan peserta telah dibahagikan mengikut kumpulan di mana setiap kumpulan adalah diperlukan untuk menyiapkan tugas berdasarkan tema aktiviti pembangunan pakej ekopelancongan yang berpotensi di HS Gunung Tebu.

Pada 25 Ogos 2022, Majlis Pelancaran Koperasi Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad telah dimulakan dengan ucapan aluan dari YBrs. Dr Noor Azlin Yahya, Timbalan Ketua Pengarah Operasi FRIM. Majlis diteruskan dengan ucapan perasmian oleh YB Datuk Ali Biju, Timbalan Menteri, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (KeTSA). Satu persembahan montaj video telah diadakan bertemakan pengenalan Koperasi Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad dan pencapaian serta penglibatan komuniti bagi aktiviti sepanjang tahun 2021 hingga 2022.

Sesi bengkel diteruskan dengan satu pembentangan oleh YBrs. Encik Shahrin Mokhtar, Pengarah Bahagian Pembangunan Pakej dari Tourism Malaysia. Sesi soal jawab telah berlangsung dengan jayanya di antara pihak Tourism Malaysia dan komuniti setempat termasuk hal-hal berkaitan pembangunan pakej, penentuan harga dan jenis serta aktiviti perkhidmatan yang akan dijalankan berdasarkan kepada keperluan perniagaan Koperasi Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad. Pihak Tourism Malaysia dari Bahagian Pembangunan Pakej dibantu oleh Puan Rubiah Tul'Adwiyah Haji Md Yusof telah memberikan penjelasan dan pemahaman lanjut terhadap kerangka pemasaran strategik, penjenamaan (*branding*), kebolehpasaran, pelan promosi, pelan pembangunan produk dan juga kerjasama pintar. Seterusnya, sesi dialog bersama komuniti dan telah dikendalikan oleh Encik Mohd Yussainy Md Yusop, Pengarah Forest Eco-Park & Hutan Taman Negeri, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Peserta juga telah berpeluang menjalani aktiviti eksplorasi potensi produk ekopelancongan setempat di persekitaran Hutan Simpan Pulau Redang. Program telah bermula dengan sesi taklimat ringkas oleh Dr. Mohd Parid Mamat sebelum sesi jelajah denai bermula. Para peserta memulakan perjalanan dengan trek denai melalui Hutan Simpan Pulau Redang dan berakhir di pantai berhampiran Kampung Baru Pulau Redang. Sesi perkongsian bersama komuniti setempat Kampung Baru Pulau Redang telah diadakan. Pengerusi JPKK Kampung Baru telah berkongsi serba sedikit mengenai sejarah dan latar belakang Kampung Baru Pulau Redang yang dahulu adalah sebuah kampung nelayan.

Satu sesi pembentangan dan rumusan penutup telah diadakan pada hari terakhir bengkel. Peserta telah membentangkan hasil kerja kumpulan berdasarkan tugas bagi aktiviti dan pakej yang berpotensi untuk dibangunkan dan dipasarkan di persekitaran HS Gunung Tebu. Sesi soal jawab turut diadakan dan hasil daripada bengkel ini telah merekabentuk potensi perkhidmatan dan aktiviti di persekitaran HS Gunung Tebu. Pakej dan aktiviti ini akan diperhalusi dari semasa ke semasa.

6.0 KESIMPULAN KESELURUHAN

Program Perhutanan Sosial (SFP), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) melalui projek “Kajian Rintis Perhutanan Sosial Malaysia (*Social Forestry*) di persekitaran Gunung Tebu, Terengganu” di bawah penyelidikan utama Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) bertujuan memperkasa masyarakat setempat dalam pengurusan sumber hutan, ekonomi dan pendidikan di samping melindungi alam sekitar. Bahkan, ia sejajar dengan matlamat kerajaan Malaysia bagi memastikan kelestarian hutan negara terus terpelihara agar bermanfaat kepada rakyat tempatan.

Pada tahun 2022, kajian skop “Kajian pembangunan Model Skim Perhutanan Masyarakat menerusi Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBET) dan Hasil Hutan Bukan Kayu (NTFPs) Termasuk Khidmat Ekosistem (ES)” di HS Gunung Tebu, Terengganu telah diadakan tiga siri program bengkel dan sesi konsultasi libat urus.

Melalui tiga siri pelaksanaan program ini, sebanyak 166 orang komuniti setempat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan penempatan di persekitaran Hutan Simpan Gunung Tebu telah dilatih dan mendapat kerjasama dan bantuan khidmat nasihat dari Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT).

Setiap bengkel yang telah diadakan telah berjaya memberi impak kepada komuniti Gunung Tebu, Terengganu. Bahagian ini akan memperincikan implikasi serta cadangan berdasarkan kepada setiap program atau bengkel yang telah diadakan.

Hasil dari Bengkel Konsultasi Pemegang Taruh Peringkat Komuniti ini adalah penubuhan satu entiti baharu yang didaftarkan dibawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Wakil-wakil yang terdiri dari tujuh buah komuniti di sekitar HS Gunung Tebu, Terengganu telah berjaya mendaftar di bawah naungan satu koperasi baharu yang dinamakan Koperasi Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad (No. pendaftaran: 202270400817).

Melalui tema pemeliharaan persekitaran hutan menerusi penggunaan sumber secara mampan, sesi bengkel telah mendapat pekongsian bersama komuniti melalui pengalaman dan libat urus komuniti terhadap ekopelancongan berasaskan komuniti.

Wakil pengurusan Koperasi (Ahli Lembaga Koperasi), Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad, En. Razman Abd Latif telah berkongsi serba sedikit mengenai kejayaan aktiviti-aktiviti yang telah dilakukan dan berharap kerjasama yang lebih erat lagi dari pihak FRIM dan juga ahli-ahli SCGT.

Wakil dari Persatuan SATJB iaitu En. Rohaimi bin Anuar juga telah mengucap terima kasih kepada pihak FRIM kerana dapat memberi pendedahan kepada ahli-ahli SATJB tentang situasi dan pengalaman konsep ekopelancongan di Pos Kuala Mu dan juga Kg. Agong. Beliau sangat teruja dengan idea-idea baru yang boleh digunapakai di kawasan ekopelancongan di Tampik, Janda Baik.


Seterusnya, En Wali bin Karim, pengusaha chalet di Pos Kuala Mu telah berkongsi serba sedikit mengenai pengalaman di dalam mengusaha dan membina chalet berasaskan

tradisi orang asli di Kuala Mu. Dia juga berharap dapat berkongsi ilmu dengan pihak Koperasi Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad (KSGTT Berhad), SATJB dan juga FRIM.

En. Juhari bin Kadir dari KOPEL Sabah juga telah berkongsi serba sedikit mengenai pengalamannya selama 3 hari bersama para peserta. Beliau melihat peluang yang cerah bagi KSGTT dan SATJB dengan bantuan FRIM. Beliau juga berharap KSGTT dapat menjadi tokoh CBET di Malaysia.

En Alexander Minsong dari Jabatan Perhutanan Sabah juga telah memberitahu yang beliau telah banyak mempelajari dan mengalami perkara baharu sepanjang lawatan dan bengkel yang telah dianjurkan oleh FRIM. Beliau berharap para peserta sentiasa berhubung dengan pihaknya di Sabah.

Melalui bengkel konsultasi pemegang taruh “Pembangunan pakej bagi Koperasi Komuniti Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad” adalah di dapati terdapat beberapa pakej perkhidmatan utama yang akan ditawarkan bagi merangka perancangan promosi. Di samping itu, potensi pakej dan aktiviti yang terdapat di sekitar Hutan Simpan Gunung Tebu telah berjaya dirancang dan akan dikemaskini secara halus lagi pada masa akan datang. Empat pakej yang berpotensi yang telah diusul dan dibincangkan pada sesi bengkel ini iaitu;



Sebanyak empat perkhidmatan ekopelancongan utama yang akan ditawarkan melalui pengoperasian perniagaan Koperasi Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad. Perincian bagi setiap pakej yang diusulkan telah dibincang dalam sesi pembentangan kumpulan. Setiap kumpulan telah memperincikan perancangan serta bajet bagi setiap pakej yang diusulkan. Penambahbaikan serta cadangan-cadangan yang telah diteliti adalah berkaitan pakej aktiviti, harga dan caj pengurusan yang perlu diambil kira berdasarkan kepada kajian pasaran di lapangan. Suara cadangan turut dilontarkan oleh pihak komuniti setempat yang mencadangkan agar diadakan perbincangan akhir di antara pakej-pakej yang ingin difokuskan pada tahun pertama pengoperasian dengan khidmat nasihat daripada penyelidik Perhutanan Sosial FRIM.

7.0 GALERI FOTO

A. PROGRAM SESI TAKLIMAT BAKAL ANGGOTA DAN MESYUARAT AGUNG PERMULAAN (MAP) KOPERASI SAHABAT GUNUNG TEBU TERENGGANU BERHAD (PRAPENDAFTARAN)



Ucapan alu-aluan daripada En. Wan Radzi Wan Abdullah.



Taklimat Pengerusi JK Penaja oleh Dr. Mohd Parid bin Mamat



Ucapan perasmian oleh YBrs. Dr. Ismail bin Parlan, selaku Ketua Pengarah, FRIM.



Taklimat perkongsian operasi perniagaan ekopelancongan berasaskan komuniti - Tuan Hj. Rohaimi bin Anuar, Pengerusi Persatuan Sahabat Alam Tampik Janda Baik.



Taklimat Pengenalan dan konsep Penubuhan Koperasi – Encik Nik Nasrul Ashikin bin Nik Mohamad Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Wilayah Terengganu Utara.



Sesi bergambar kenang-kenangan bersama tetamu jemputan Sesi taklimat bakal anggota dan Mesyuarat Agung Permulaan (MAP) Koperasi Sahabat Gunung Tebu Terengganu Berhad (Prapendaftaran).

B. BENGKEL KONSULTASI PEMEGANG TARUH PERINGKAT KOMUNITI “PEMELIHARAAN PERSEKITARAN HUTAN MENERUSI PENGGUNAAN SUMBER SECARA MAMPAN”



Sesi bergambar berkumpul



Ucapan perasmian oleh Ketua Pengarah FRIM, YBhg. Dr. Ismail Hj. Parlan

- i) Hasil output Latihan dalam Kumpulan (LDK) tugas fotografi bertemakan “Pemeliharaan persekitaran hutan melalui amalan perhutanan sosial”



Ucapan penutup oleh Ketua Program Perhutanan Sosial, Dr Mohd Parid bin Mamat bagi sesi rumusan bengkel di Pos Kuala Mu, Perak



Tema: Sungai dan kehidupan



Tema: Kehidupan di perkampungan komuniti asal/asli



Tema: Persekitaran ekosistem hutan di Sungai Mu dan Sungai Perlus, Kuala Mu

C. BENGKEL KONSULTASI PEMEGANG TARUH PEMBANGUNAN PAKEJ EKOPELANCONGAN DAN MAJLIS PELANCARAN KOPERASI KOMUNITI “KOPERASI SAHABAT GUNUNG TEBU TERENGGANU BERHAD”



Ucapan aluan oleh YBrs. Dr Noor Azlin Yahya sewaktu majlis pelancaran



Ucapan perasmian oleh Timbalan Menteri KeTSA, YB Datuk Ali Biju



Sesi dialog bersama En Yussainy dari JPSM



Sesi pembentangan bersama En Shahrin Mokhtar dari Tourism Malaysia



Sesi bergambar bersama YB Timbalan Menteri Datuk Ali Biju selepas majlis pelancaran



Sesi perkongsian bersama komuniti Kampung Baru Pulau Redang

Perhutanan masyarakat adalah salah satu pendekatan di dalam melestarikan masyarakat setempat dan alam persekitaran hutan. Di Semenanjung Malaysia, salah satu pendekatan bagi perhutanan masyarakat adalah melalui ekopelancongan berasaskan komuniti. Pembangunan ekopelancongan juga diiktiraf sebagai salah satu strategi paling efisien dalam usaha meningkatkan taraf hidup komuniti setempat terutama di kawasan pedalaman dan terpencil. Laporan ini adalah bertujuan untuk mendokumentasikan siri-siri perkongsian faedah melalui penyertaan langsung komuniti setempat secara aktif dalam menjaga dan memelihara persekitaran hutan semula jadi dan taman ekorimba. Penglibatan masyarakat ini membuktikan sokongan terhadap pembangunan ekopelancongan berasaskan komuniti di kawasan persekitaran hutan simpan kekal di bawah pentadbiran kerajaan negeri. Salah satu pendekatan yang telah diinisiatifkan oleh pihak Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) melalui Program Perhutanan Sosial adalah pembangunan kapasiti komuniti setempat di dalam ekopelancongan berasaskan komuniti. Kaedah penyelidikan yang digunakan termasuk penganjuran sesi libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan seperti komuniti dan agensi-agensi sebagai rakan strategik, penubuhan sebuah entiti koperasi, serta pelaksanaan beberapa siri bengkel pembangunan komuniti. Penglibatan Program Perhutanan Sosial, FRIM secara langsung sebagai penasihat teknikal telah dapat membimbing masyarakat yang tinggal berhampiran dengan persekitaran hutan untuk mempunyai rasa kesedaran yang lebih tinggi terhadap hutan dan alam semula jadi. Melalui kesedaran ini, ia dapat mewujudkan sokongan kepada pembangunan ekosistem hutan melalui aspek sosial, ekonomi, dan budaya. Hal ini sekaligus membantu memperkasakan amalan aktiviti perhutanan masyarakat melalui pembangunan skim ekopelancongan berasaskan komuniti sebagai salah satu strategi meningkatkan limpahan pendapatan kepada komuniti dan memelihara kepentingan kawasan persekitaran semula jadi.

